

KEPERLUAN BERBAHASA DALAM KALANGAN ANGGOTA TENTERA MALAYSIA (ATM) YANG MENGIKUTI MISI KE LUAR NEGARA

Noorhidayah Abu Hasim

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

Nurul Huda Adnan

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

Nor Izzuani Izhar

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

Abdul Muhaimin Abu Bakar

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: noorhidayah@kuim.edu.my

Article history:

Received : 23 August 2021

Accepted : 18 November 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Penggunaan bahasa sasar sememangnya sangat efektif dalam melicinkan pelaksanaan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada anggota tentera yang mengikuti misi di luar negara. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya yang menyertai misi pengaman United Nations Interim Force in Lebanon atau UNIFIL merupakan golongan yang perlu mempraktikkan bahasa sasar dalam melancarkan tugas rasmi menjaga keamanan dan keselamatan di Lubnan. Kesukaran berbahasa sewaktu menjalankan misi sama sekali tidak boleh dipandang enteng. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap keberkesanan penggunaan bahasa sasar dalam pelaksanaan tugas kurang diberikan perhatian. Kursus bahasa yang sewajarnya masih belum dilaksanakan dalam sistem pendidikan bahasa ATM. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan berbahasa ATM yang bersesuaian dengan misi yang diamanahkan. Selain itu, kajian ini juga berperanan untuk mencadangkan kursus bahasa yang relevan bagi memenuhi keperluan berbahasa anggota yang mengikuti misi ke luar negara khususnya di Lubnan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data dan seterusnya mengaplikasikan pendekatan deskriptif dalam persembahan dapatan. Kajian ini dapat membantu untuk memenuhi keperluan bahasa dari perspektif ATM sebagai panduan awal untuk membina modul pembelajaran bahasa yang bersesuaian. Kajian ini dijangka dapat memberi impak untuk mempertingkatkan kebolehan berbahasa

ATM yang mengikuti misi ke luar negara dan melahirkan ATM yang berketerampilan di masa akan datang.

Kata Kunci: Analisis Keperluan, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

LANGUAGE NEEDS AMONG MALAYSIAN ARMED FORCES WHO ARE ON MISSIONS ABROAD

ABSTRACT

The use of target language is very effective in devastating the execution of duties entrusted to military personnel pursuing missions abroad. The Malaysian Armed Forces especially those participating in the United Nations Interim Force in Lebanon or UNIFIL peacekeeping missions are those who need to practice the target language in launching official security and security duties in Lebanon. The difficulty of speaking while on a mission should not be taken lightly. However, emphasis on the effectiveness of the use of target language in the performance of tasks is not given due attention. Appropriate language courses have yet to be implemented in the Malaysian Armed Forces' language education system. Therefore, this study aims to identify the language requirements of Malaysian Armed Forces that are compatible with the mission entrusted. In addition, the study also serves to propose relevant language courses to meet the language needs of members who are pursuing missions abroad, especially in Lebanon. The study is based on a qualitative method and uses an interview process to obtain data and subsequently apply a descriptive approach in the presentation of the findings. This study helps to meet the language requirements from Malaysian Armed Forces' perspective as an early guide to build appropriate language learning modules. It is expected to have an impact on enhancing the language abilities of Malaysian Armed Forces that involve on missions abroad and produce skilled Malaysian Armed Forces in the future.

Keywords: Needs Analysis, English, Arabic, Malaysian Armed Forces

PENGENALAN

Kemahiran berbahasa yang baik dianggap sebagai salah satu penyumbang terbesar untuk mencapai kejayaan dalam suasana kerja. Ini adalah kerana komunikasi yang berjaya adalah kunci untuk peningkatan kelestarian dan kemajuan dalam kerjaya seseorang individu. Umumnya, bahasa dan komunikasi berperanan penting dalam kehidupan seharian termasuk dalam membantu melancarkan pelbagai urusan kerja. Masyarakat global kini bukan hanya perlu menguasai bahasa ibunda mereka semata-mata bahkan perlu mempersiapkan diri

dengan penguasaan pelbagai bahasa bagi mendepani era dunia tanpa sempadan masa kini.

Keperluan terhadap penguasaan bahasa Inggeris sebagai contoh semakin mendesak sehinggakan Perancis, China, Jepun dan negara-negara lain yang sebelum ini amat tertutup dengan bahasa ini mula mengambil langkah mempelajarinya (Maharam, 2016). Manakala keperluan terhadap penguasaan bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis turut mendapat tumpuan kesan daripada rangsangan ekonomi dan perhubungan antarabangsa.

Kini, penggunaan bahasa Arab sebagai suatu medium untuk berkomunikasi di dalam kerjaya sudah menjadi satu keperluan oleh rakyat Malaysia (Musling & Mohd Yazid, 2019). Melihatkan kepada entiti bahasa secara menyeluruh, bahasa sememangnya berperanan penting sebagai jambatan penghubung antara individu, masyarakat mahupun antara satu negara dengan negara yang lain. Hal ini termasuk dalam konteks institusi ketenteraan di Malaysia. Penguasaan bahasa kedua dan bahasa asing sangat dituntut khususnya ketika dilibatkan dalam melaksanakan tugas rasmi di luar negara.

Anggota ATM seperti yang dimaklumi bukan sahaja berhadapan dengan rakan sejawat yang merupakan penutur asli bahasa Melayu, tetapi mereka juga berurusan dengan rakan sejawat dari negara-negara lain yang bertutur dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Perancis dan pelbagai bahasa lain. Di samping itu, sewaktu melaksanakan misi, anggota ATM turut berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan penguasaan bahasa pertuturan masyarakat tersebut perlu diambil kira untuk memudahkan interaksi sosial dua hala.

Oleh yang demikian, dalam konteks misi pengaman UNIFIL ini, institusi ketenteraan Malaysia perlu mempersiapkan anggotanya supaya berkemampuan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sebagai medium perhubungan sesama rakan sejawat dari negara lain dan bahasa Arab yang merupakan bahasa rasmi masyarakat Lubnan bagi melancarkan tugas sosial. Hal ini perlu diberi penekanan dan kajian ini berusaha mengenal pasti keperluan berbahasa ATM yang bersesuaian dengan misi yang diamanahkan. Selain itu, kajian ini juga berusaha untuk mengetengahkan kursus bahasa yang relevan bagi memenuhi keperluan berbahasa anggota yang mengikuti misi di Lubnan memandangkan sehingga kajian ini dilaksanakan tiada kursus bahasa yang khusus untuk tujuan operasi tersebut dijalankan sedangkan sesuatu kursus dan sukatan pelajaran perlu berlandaskan kepada keperluan institusi dan peserta kursus (Posner & Rudnitsky, 2006).

SOROTAN LITERATUR

Penekanan terhadap kepentingan bahasa kedua dan bahasa asing menyumbang ke arah kemajuan sesebuah negara daripada pelbagai perspektif antaranya ekonomi, politik dan sosial. Justeru, tidak hairanlah sekiranya British Council melaporkan bahawa penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua adalah melebihi daripada mereka yang menuturkannya sebagai bahasa pertama. Sekitar 750 juta orang dipercayai boleh bertutur dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Lebih

daripada 80% interaksi dalam bahasa Inggeris di seluruh dunia kini dianggarkan sebagai bukan penutur asli (Graddol, 2006).

Dalam konteks komunikasi di tempat kerja, memiliki kemahiran berbahasa yang baik adalah sebagai asas dan kelebihan tambahan kepada seseorang individu (Mehta, 2009). Stivers dalam kajiannya menyatakan bahawa kemahiran berbahasa Inggeris adalah kemahiran penting untuk dimiliki oleh seseorang agar dapat menjalankan tugas dengan cekap di tempat kerja, tidak kira di mana (Stivers, 2000). Hal ini turut dijelaskan dalam kajian Stevens (Stevens, 2005) bahawa majikan beranggapan bahawa kemahiran berbahasa yang rendah adalah faktor yang menyumbang kepada kesukaran untuk menjalankan tugas dalam pekerjaan. Menurut Blair dan Jeanson (Blair, 1995), penguasaan bahasa Inggeris yang tinggi, terutama dalam kemahiran komunikasi lisan adalah sangat berguna untuk menyelesaikan masalah yang timbul ketika di tempat kerja. Selari dengan peningkatan bahasa Inggeris sebagai medium penting untuk menentukan kejayaan sesebuah negara dalam bidang perdagangan global, bahasa Inggeris juga telah menjadi faktor utama yang mempengaruhi kejayaan operasi ketenteraan di seluruh dunia. Terdapat beberapa peluang kerjaya bagi mereka yang bertutur atau mempunyai kemampuan untuk belajar bahasa asing, terutama dalam bidang perisikan ketenteraan.

Anggota tentera yang datang dari pelbagai negara, bangsa dan budaya dipimpin oleh ketua dari pelbagai negara dan budaya, nyata akan memberi cabaran kepada mereka untuk menjalankan tugas secara bersama. Dalam hal ini bahasa Inggeris muncul sebagai bahasa yang digunakan secara sistematik untuk menyatukan dan menjayakan komunikasi sesama rakan sejawat yang bersifat multinasional.

Sebagai lingua franca komunikasi ketenteraan juga, bahasa Inggeris boleh membantu memudahkan kesalinghubungan yang diperlukan antara individu dan organisasi, antara kebangsaan dan antarabangsa, antara tempatan dan global khususnya sewaktu bersama-sama melaksanakan tugas di luar negara. Sebagai contoh, anggota tentera Malaysia yang perlu bekerjasama dan berkomunikasi dengan anggota tentera dari negara berlainan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan boleh menggunakan bahasa Inggeris untuk berinteraksi sesama sendiri. Peranan penting bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa selari dengan kajian (Poteet et al., 2008; Rasmussen & Sieck, 2012; Rasmussen, Sieck, Smart, 2009; Sieck & Patel, 2007) yang telah menafsirkan peranan bahasa Inggeris sebagai penyelamat kepada masalah dan halangan, terutamanya yang disebabkan oleh faktor perbezaan latar belakang, perbezaan bahasa ibunda dan norma budaya sesama mereka. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa di negara-negara berbahasa Arab mendapat tarikan yang signifikan pada awal milenium. Pengaruh bahasa Inggeris yang semakin meningkat sebagai bahasa yang paling banyak dituturkan di seluruh dunia telah mendorong negara-negara berbahasa Arab untuk menilai semula kepentingan bahasa Inggeris (Koirala, 2016).

Kehadiran bahasa Inggeris yang kuat telah menjadikannya sebagai bahasa lingua franca di banyak negara dan bahasa yang paling biasa digunakan di dunia (Saeed Al-Sobhi & Preece, 2018). Rentetan kajian-kajian lepas tentang peranan

dan kepentingan bahasa Inggeris yang juga dikenali sebagai lingua franca komunikasi ketenteraan sememangnya mengukuhkan lagi bahawa bahasa ini sewajarnya perlu diberi penekanan seterusnya dikuasai oleh anggota ATM sebagai persediaan mengikuti misi pengaman di luar negara, khususnya di Lubnan.

Selain penguasaan bahasa Inggeris yang perlu diberi perhatian oleh ATM khasnya yang mengikuti misi pengaman di luar negara, penguasaan bahasa asing bertepatan dengan lokasi misi juga menjadi satu kemestian bagi mereka. Walau bagaimanapun, penggunaan dan penguasaan bahasa asing dilihat terlalu sering menjadi sesuatu yang sekunder dan hanya digunakan oleh penterjemah, jurubahasa dan guru bahasa sahaja (Bloch, 1995) sedangkan personel peringkat tinggi yang memiliki kemahiran bahasa semakin diperlukan. Hal yang sama berlaku dalam kalangan anggota ATM yang bertugas menjalankan misi ke luar negara yang memerlukan penterjemah kerana kurangnya kemampuan berbahasa asing dalam kalangan anggota misi itu sendiri. Pegawai peringkat anggota ATM diperlukan untuk membantu melancarkan penyampaian mesej kepada anggota ATM di bawah kelolaannya. Oleh itu, keperluan penguasaan bahasa untuk semua peringkat anggota ATM dilihat amat perlu bagi melancarkan gerak kerja ketika misi di luar negara dijalankan.

Dalam bidang ketenteraan, pengetahuan tentang bahasa terutamanya bahasa asing memainkan peranan penting dalam pakatan, pekerjaan dan juga misi pengaman (Mensah, 2018). Di samping keperluan mempersiapkan diri dengan penguasaan bahasa Inggeris untuk melicinkan tugas dengan berhubung sesama anggota tentera dari negara berlainan di bawah PBB, anggota pengaman UNIFIL sewajarnya menitikberatkan penguasaan bahasa masyarakat tempatan, iaitu bahasa Arab untuk memudahkan interaksi sosial yang efektif berjaya dilaksanakan. Mampu bertutur dalam bahasa asing selain bahasa Inggeris juga sangat bermanfaat bagi anggota tentera. Ini dapat memberikan kelebihan kepada anggota tentera untuk bersosial dengan masyarakat setempat di mana mereka dikerahkan dalam operasi pengaman (Chauvot, 2010).

Menurut kajian terdahulu, perkara yang lebih kompleks dan mencabar ialah usaha untuk berkomunikasi dengan penduduk setempat dan menghubungkan antara dua budaya. Bahasa sasaran berperanan penting untuk melancarkan pelaksanaan tugas anggota tentera di luar negara termasuk negara Arab (Najjah Salwa, Ahmad Munawar & Kaseh, 2015). Seperti dalam konteks kajian ini, komunikasi antara tentera Malaysia yang merupakan penutur bahasa Melayu dengan penduduk tempatan Lubnan yang merupakan penutur bahasa Arab. Kesepakatan hanya akan boleh dicapai sekiranya komunikasi dua hala itu berlaku dalam bahasa masyarakat tempatan kerana kebanyakan daripada mereka tidak mahir berbahasa asing.

Sehubungan itu, kesepakatan yang dicapai dalam kalangan anggota ATM dengan penduduk tempatan menyumbang kepada hubungan rapat bahasa dan kecekapan silang budaya, terutamanya yang signifikan bagi tentera (Abbe, Gulik, & Herman, 2007; Hummel & Siska, 2011; Lunt, 2008; Stier, 2006; Watson, 2010). Mempunyai penguasaan bahasa asing dapat membantu seseorang individu agar lebih memahami sesuatu budaya masyarakat yang berbeza untuk lebih

bersikap positif dan tidak prejudis. Menguasai bahasa asing bukan hanya belajar tatabahasa dan perbendaharaan kata; tetapi juga pengetahuan dalam menggunakan ungkapan untuk berkomunikasi dengan tepat serta mempunyai maklumat budaya yang cukup untuk memahami budaya lain (Pateşan & Zechia, 2018).

Selain itu, penggunaan bahasa untuk tujuan komunikasi harus disesuaikan mengikut keperluan situasi penutur agar maklumat yang diberikan jelas difahami oleh penerimanya (Najah et al., 2015). Oleh itu, penguasaan bahasa sasaran, dalam situasi ini bahasa Arab, semestinya diberi perhatian penuh oleh institusi ketenteraan Malaysia dengan mengambil inisiatif yang proaktif bagi melahirkan anggota ATM yang mampu melaksanakan tugas di luar negara tanpa sebarang kekangan terutamanya dari aspek bahasa dan komunikasi. Keperluan kemahiran komunikasi bahasa Arab dapat dilihat membantu dalam pelbagai situasi terutamanya dalam empat fungsi utama seperti ketika berkomunikasi dengan masyarakat berbahasa Arab sewaktu situasi ingin membuat pertanyaan, permohonan, menerangkan sesuatu serta ketika ingin memulakan perbualan umum (Musling & Mohd Yazid, 2019).

Kemampuan berkomunikasi secara langsung dengan orang yang berlainan dalam bahasa ibunda mereka adalah salah satu langkah pertama untuk menjalinkan hubungan yang lebih baik dan berkekalan. Namun, apabila berkaitan dengan ketenteraan, sama ada tentera darat, tentera laut atau udara, ia boleh menjadi penentu kepada hidup dan mati bukan hanya untuk seseorang tetapi untuk semua yang berada di bawah tanggungjawab anggota yang terlibat secara langsung semasa misi pertempuran (Pateşan & Zechia, 2018). Dalam konteks kerjasama antarabangsa, anggota tentera perlu berkomunikasi bukan hanya dengan 'musuh' tetapi juga dengan rakan dari pasukan tentera nasional yang berbeza (Chauvot, 2010). Semestinya penguasaan bahasa sasaran yang baik dapat membantu dalam menjayakan misi di luar negara apabila mesej yang cuba disampaikan dapat diterima dengan jelas.

Justeru kepentingan bahasa dalam kalangan anggota tentera yang menjalankan misi di bawah PBB sebagai medium interaksi dalam melaksanakan tugas dan komunikasi sosial sememangnya tidak boleh dipersoalkan lagi. Penguasaan terhadap aspek bahasa perlu diberikan penekanan sepenuhnya supaya segala gerak kerja yang diamanahkan dapat dijalankan dengan lebih efisien dan praktikal.

REKA BENTUK KAJIAN

Responden Kajian

Seramai enam orang responden dalam kalangan anggota ATM yang terdiri daripada pelbagai kepakaran yang pernah menyertai misi pengaman United Nations Interim Force in Lebanon atau UNIFIL telah dipilih secara bertujuan sebagai responden kajian. Daripada jumlah keseluruhan responden, dua orang daripadanya merupakan anggota daripada Elemen Close Rescue Team (CRT), dua

orang yang lain pula terdiri daripada Elemen Perubatan, manakala dua orang lagi daripada Sel Civilian and Military Coordination (CIVIC).

Pemilihan responden daripada kepelbagaian kepakaran dan pengkhususan adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat yang variasi dari sudut pandang yang berbeza tentang keperluan berbahasa dalam konteks perkhidmatan rasmi mereka berdasarkan pengalaman sewaktu melaksanakan misi pengaman (UNIFIL). Temu bual yang dijalankan secara bersemuka ini kemudiannya telah direkodkan menggunakan MP3 dan ditranskripsikan secara verbatim. Temu bual yang dijalankan secara bersemuka adalah bertujuan agar pengkaji mendapat kadar respons yang tinggi (Chua, 2011) serta peserta lebih selesa untuk berkongsi pengalaman mereka (Creswell, 2002).

Perisian NVivo 11 telah digunakan untuk memproses data. Data kemudiannya dianalisis mengikut tema yang telah dikemukakan oleh Munby (1978). Tema yang diperolehi kemudiannya dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah disasarkan.

Instrumen Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data dan seterusnya mengaplikasikan pendekatan deskriptif dalam persembahan dapatan. Temu bual yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur yang menuntut penyelidik merangka item temu bual terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dilaksanakan. Setiap subjek diberikan item temu bual yang sama pada tiap-tiap kali sesi temu bual dijalankan. Dalam konteks kajian ini, temu bual dilaksanakan secara seorang dengan seorang secara bersemuka di antara pengkaji dan responden supaya memberi kadar respons tinggi (Chua, 2011) dan peserta dapat berkongsi pengalaman dengan selesa (Creswell, 2002). Responden telah ditemu bual untuk tujuan mengenal pasti keperluan berbahasa dan kursus-kursus bahasa yang bersesuaian untuk anggota ATM bertepatan dengan misi yang diamanahkan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, kajian mendapati bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menyertai misi pengaman United Nations Interim Force in Lebanon atau UNIFIL khususnya yang terdiri daripada 3 kepakaran yang terlibat dalam kajian ini; Elemen Close Rescue Team (CRT), Elemen Perubatan dan Sel Civilian and Military Coordination (CIVIC) sememangnya memerlukan penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab untuk melancarkan tugas mereka di Lubnan.

Kajian menunjukkan kesemua 6 orang responden menyedari akan status bahasa Inggeris yang berperanan sebagai bahasa global perlu dikuasai oleh petugas ATM yang menyertai misi pengaman UNIFIL. Responden juga didapati bersepakat dengan pemahaman bahawa penguasaan bahasa Inggeris membantu mereka melicinkan tugas terutamanya dalam konteks komunikasi dengan

delegasi dari luar Malaysia yang berbahasa selain daripada bahasa Melayu. Hal ini boleh diperhatikan daripada beberapa kenyataan responden seperti berikut:

“Hmm, pada saya la kan bahasa Inggeris ni kan bahasa *internasional*. Jadi *nak-nak* kami bertugas kan, *kat* sana berurusan *pulak* dengan orang luar kan, delegasi luar. Memang perlu lah bahasa Inggeris ni” (R1/S4/B10).

Kenyataan responden di atas jelas menunjukkan bahawa anggota yang ditugaskan dalam misi UNIFIL akur dengan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa global dan penguasaan bahasa ini dituntut terutamanya dalam konteks urusan komunikasi bersama delegasi luar. Kenyataan ini selari dengan kenyataan responden lain yang turut menyatakan bahawa keperluan menguasai bahasa Inggeris dalam kalangan anggota sangat penting dan tidak boleh dipandang enteng bagi melaksanakan seterusnya menjayakan misi yang ditugaskan.

“Bahasa *inglish* sebab bahasa *inglish* bahasa pengantar seluruh dunia jadi penggunaan bahasa *inglish* perlu dalam penugasan misi” (R2/S4/B20).

Di samping itu, kajian turut mendapati bahawa keperluan menguasai bahasa Inggeris merupakan satu tuntutan dalam konteks penjagaan kesihatan anggota misi. Anggota yang ditugaskan di Elemen Perubatan berperanan memelihara dan memastikan kesihatan semua anggota berada di tahap optima serta membekalkan anggota dengan latihan perubatan agar mereka sentiasa peka dan terlatih dalam menghadapi sebarang kecemasan yang melibatkan kesihatan seperti pertolongan cemas dan lain-lain. Kesemua aktiviti dalam skop perubatan ini dikendalikan di dalam bahasa Inggeris dan penguasaan bahasa Inggeris menjadi satu tuntutan serius sekaligus menjadikan bahasa Inggeris keperluan utama yang perlu dipersiapkan oleh ATM yang melaksanakan misi pengaman UNIFIL. Hal ini diperjelaskan dalam kenyataan responden seperti berikut:

“Pertama adalah bahasa Inggeris kerana ianya bahasa satu dunia diguna pakai, lepas tu *kan* kita *nak deal* dengan anggota, *nak* jaga kesihatan diorang kan, *nak* bagi latihan. Semua *tu* memang bahasa Inggeris *lah*”. (R3/S4/B32).

Kenyataan-kenyataan responden di atas jelas menunjukkan bahawa keperluan menguasai bahasa Inggeris dalam kalangan anggota ATM khususnya yang menyertai misi pengaman UNIFIL perlu diambil perhatian oleh pihak berwajib. Kegagalan mempersiapkan anggota misi dengan kebolehan berbahasa ini memungkinkan satu-satu tugas yang diamanahkan itu tidak dapat dilaksanakan dengan efisien. Masalah komunikasi tidak kira sama ada sesama rakan sejawat dari negara lain mahupun dengan delegasi luar akan berterusan dan tidak akan dapat dibendung sekiranya langkah sewajarnya bagi mengekang permasalahan ini dipandang sepi.

Selain fokus terhadap keperluan berbahasa Inggeris, kajian ini juga mempunyai pandangan berhubung keperluan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan ATM yang melaksanakan misi pengaman UNIFIL ini. Hasil penganalisan data mendapati kesemua 6 orang responden menegaskan keperluan berbahasa Arab juga perlu diberikan perhatian serius, tambahan pula bahasa ini merupakan bahasa rasmi negara Lubnan dan juga bahasa masyarakat setempat.

Responden 5 (RP5) dan Responden 6 (RP6) mengakui kesukaran yang dihadapi untuk berkomunikasi dengan masyarakat setempat akibat tidak menguasai bahasa mereka. (RP5) dalam kenyataannya menyebut:

“Memang macam ayam itik *la kan heheh* (ketawa kecil). Bila *nak* tanya *patient nak* suruh *explain* sakit yang macam mana *tu* susah sikit la. Ye la kan, English pun *dia orang tak* tahu” (RP5/S5/B45)

Manakala Responden 6 (RP6) pula menyatakan:

“Nak *handle* aktiviti dengan penduduk sana la, *tu* mencabar sikit. Kita nak buat sukan la, nak buat program dengan *dia orang* kan. Program yang apa tu, yang tu.. *Ha*, yang untuk rapatkan lah hubungan kita ni dengan masyarakat sana. Kalau kita *tau* bahasa Arab lagi senang *la*”. (RP6/S5/B57)

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh petugas misi pengaman UNIFIL dalam konteks interaksi dan komunikasi sosial bersama masyarakat tempatan mempamerkan keperluan terhadap penguasaan bahasa Arab sememangnya tidak boleh dipertikaikan lagi. Malahan elemen budaya dan adat resam mereka juga perlu dipelajari bagi memudahkan dan melancarkan tugas anggota misi terutamanya yang melibatkan komuniti.

Selain itu, hasil analisis data temu bual juga mendapati bahawa responden yang berkhidmat di Elemen Close Rescue Team (CRT) menzahirkan pandangan yang lebih cenderung kepada keperluan berbahasa Inggeris dalam kalangan anggota misi berbanding bahasa Arab. Hal ini dipercayai dipengaruhi oleh faktor bidang tugas mereka yang lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan mengiringi orang kenamaan serta menguruskan lawatan delegasi yang menuntut penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium interaksi.

Walau bagaimanapun hal ini berbeza dengan petugas misi di Sel Civilian and Military Coordination (CIVIC). Responden yang bertanggungjawab di sel ini lebih memerlukan penguasaan bahasa Arab bagi melaksanakan program khusus untuk mewujudkan hubungan baik dan menjaga keharmonian dengan komuniti awam di kawasan tanggungjawab di Lubnan. Mereka percaya bahawa komunikasi dalam bahasa Arab bersama masyarakat tempatan merupakan mekanisme yang mempengaruhi penerimaan baik oleh masyarakat setempat sekaligus memudahkan tugas mereka. Ini boleh diperhatikan dalam kenyataan responden yang menyebut:

“Bahasa ikut negara yang kita duduki *laa*, yang kawasan misi *tu*. Sebab sesuai, memudahkan kerja harian selama kita *kat* di kawasan misi” (RP6/S3/55).

Bagi responden yang bertugas di Elemen Perubatan pula, keperluan terhadap penguasaan kedua-dua bahasa tersebut; bahasa Inggeris dan bahasa Arab menjadi satu kemestian. Kelebihan berbahasa Inggeris membantu mereka melaksanakan latihan pada peringkat pasukan dan peringkat UNIFIL seperti ceramah dari aspek kesihatan kepada warga MALBATT, latihan bersama tentera Lubnan dan sektor Barat UNIFIL. Semua tugas ini perlu dikendalikan di dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, petugas Elemen Perubatan turut memerlukan penguasaan bahasa Arab dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk setempat. Aktiviti seperti Medical Care, Program Derma Darah dan Kelas Kesihatan kepada penduduk tempatan akan lebih lancar dilaksanakan sekiranya anggota misi mampu bertutur dalam bahasa Arab. Masyarakat tempatan juga lebih mesra dan positif apabila interaksi sosial seperti ini dikendalikan di dalam bahasa mereka.

Di samping itu, analisis data kajian turut mendapati kesepakatan responden kajian dalam menyatakan bahawa kursus bahasa Inggeris dan bahasa Arab sedia ada perlu ditambah baik bagi memenuhi keperluan berbahasa anggota yang mengikuti misi.

Responden 4 (RP4) dalam kenyataan beliau menyebut:

“Membantu *la jugak*, tapi masa *tu* sekejap sangat. Dalam kelas ingat lah lepas *tu abis*” (RP4/S3/31)

Kenyataan responden di atas menekankan faktor masa untuk kursus bahasa yang dibekalkan perlu diperhalusi. Kenyataan ini disokong oleh kenyataan lain yang berbunyi:

“Memang membantu, tapi *tu la* rasa saya *tak* cukup masa *la* belajar” (RP2/S3/21)

Selain itu, responden lain turut mengemukakan cadangan terhadap kelas sedia ada supaya ditambah elemen kemahiran berkomunikasi dalam modul yang digunakan.

“Perlu mewujudkan hari *speaking* setiap hari bagi memantapkan bahasa *inglish* untuk bertutur” (RP1/S3/B18)

“Perlu ditambah baik lagi *la*, supaya kami *ni* semua dapat komunikasi dengan baik dengan penduduk setempat *la ha*, dengan negara yang terlibat misi” (RP5/S3/43)

“Membantu semasa kelas *je*, selepas kelas *tak* bertutur lupa semua”
(RP3/S3/B28)

Kenyataan-kenyataan responden ini jelas menunjukkan bahawa elemen masa dan kemahiran komunikasi merupakan antara elemen yang dibangkitkan oleh responden kajian untuk ditambah baik dalam kursus bahasa yang disediakan oleh pihak berwajib sebagai persediaan bagi mereka yang mengikuti misi. Hal ini sekaligus menguatkan bahawa kursus bahasa Inggeris dan bahasa Arab sewajarnya diperhalusi dan ditambah baik mengikut keperluan misi dengan mengambil kira sudut pandang anggota yang berpengalaman menjalankan misi tersebut.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa menjadi antara kemahiran utama yang perlu diambil perhatian oleh anggota misi UNIFIL dan pihak berautoriti sebelum berangkat ke kawasan misi. Anggota misi perlu mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran berbahasa Inggeris dan bahasa Arab. Keupayaan berbahasa Inggeris memudahkan anggota menyelesaikan tugas bersama anggota tentera yang menyertai misi UNIFIL dari negara-negara lain. Manakala kemahiran berbahasa Arab juga tidak kurang pentingnya ketika menjalankan tugas yang diberikan terutamanya yang melibatkan penduduk tempatan. Kebolehan berbahasa dengan kedua-dua bahasa ini sememangnya diperlukan oleh petugas misi dalam melaksanakan tugas hakiki mereka di lokasi misi.

Kajian ini secara tidak langsung turut membuktikan bahawa keperluan berbahasa dalam kalangan anggota dipengaruhi oleh bidang tugas mereka. Bahasa Inggeris dalam konteks kajian ini didapati menjadi kemestian kepada anggota misi yang bertugas di Elemen Close Rescue Team (CRT) atas tuntutan tugas mereka yang perlu berurusan dengan delegasi dari luar Malaysia dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi.

Manakala keupayaan berbahasa Arab pula sangat diperlukan oleh petugas Sel Civilian and Military Coordination (CIVIC). Responden yang bertanggungjawab di sel ini menekankan bahawa komunikasi dalam bahasa Arab bersama masyarakat tempatan merupakan mekanisme yang mempengaruhi penerimaan baik masyarakat setempat sekaligus memudahkan tugas anggota misi.

Petugas Elemen Perubatan pula bagaimanapun memerlukan penguasaan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam melaksanakan tugas mereka. Kelebihan berbahasa Inggeris membantu mereka melaksanakan latihan pada peringkat pasukan dan peringkat UNIFIL bersama tentera Lubnan dan sektor Barat UNIFIL. Penguasaan bahasa Arab pula diperlukan dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk setempat. Aktiviti bersama penduduk tempatan akan lebih lancar dilaksanakan sekiranya anggota misi mampu bertutur dalam bahasa Arab.

Kajian ini turut memperlihatkan bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi oleh petugas misi UNIFIL timbul disebabkan oleh faktor kegagalan menguasai kedua-dua bahasa ini. Justeru, kajian mencadangkan agar pihak berautoriti mengambil inisiatif sewajarnya bagi membendung permasalahan ini. Kursus bahasa sedia ada yang dibekalkan kepada anggota misi sebelum berangkat ke kawasan misi perlu diperhalusi daripada beberapa aspek antaranya dari aspek tempoh masa kursus dan juga kandungan modul.

Hal ini demikian rentetan hasil temu bual responden yang rata-ratanya menyatakan bahawa tempoh masa mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Arab amat singkat dan tidak efektif. Aspek kandungan modul juga perlu ditambah baik bagi memastikan anggota misi mampu menguasai kedua-dua bahasa tersebut terutamanya dalam urusan tugas rasmi dan komunikasi sosial.

Penyediaan kursus yang memberi penekanan terhadap perkara yang perlu dikuasai oleh anggota misi untuk melicinkan tugas mereka di lokasi misi melalui pendekatan pengajaran yang mudah dan menarik perlu dirangka oleh pihak berwajib bagi menghasilkan anggota misi yang berkebolehan dalam kedua-dua bahasa seterusnya memudahkan tugas mereka di sana kelak.

RUJUKAN

- Abbe, A., Gulick, L. & Herman, J. (2007). Cross-cultural competence in army leaders: A conceptual and empirical foundation. U.S. Army research institute for the behavioural and social sciences, Arlington, Virginia.
- Alptekin, C. (2002). Towards intercultural communicative competence in ELT. *ELT Journal*, 56(1): 57–64.
- Bloch, B. (1995). Career enhancement through foreign language skills. *International Journal of Career Management*, 7(6), 15–26. doi:10.1108/09556219510098073
- Concepción Orna-Montesinos (2013). English as an International Language in the Military: A Study of Attitudes, *LSP Journal*, 4 (1), 1-20.
- Chauvot, P. (2010, October 28). The benefits of language training for military personnel. *Communicaid*. <https://www.communicaid.com/business-language-courses/blog/the-benefits-of-language-training-for-the-military-personnel/>.
- Chua, Y. P. (2011). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill
- Creswell, J. W. (2002). Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Crystal, D. (2003), English as a Global Language (Second edition). Cambridge: Cambridge University Press.
- Graddol, D. (2006), English Next. London: British Council.
- Haddad, S. (2010). Teaching Diversity and Multicultural Competence to French Peacekeepers. *International Peacekeeping*, 17(4), 566–577. doi:10.1080/13533312.2010.516671.

- Mensah, E. (2018). The New Language Policy of the Nigerian Army: National Integration or Linguistic Imperialism? *Journal of Asian and African Studies*, 002190961881291. doi:10.1177/0021909618812912
- Munby, J. (1978). *Communicative Syllabus Design : A Sociolinguistic Model for Defining the Content of Purpose-specific Language Programmes*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Musling, M. N., & Mohd Yazid, M. T. (2019). Analisis Keperluan Komunikasi Arab Kerjaya Untuk Staf Perpustakaan. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 107-119. DOI: 10.35631/ijhpl.27009
- Kavaliauskiene & Daiva (2003). Ongoing needs Analysis as a factor to Successful Language Learning. *Journal of Language and Learning*, 1-1, 1-10.
- Koirala, Bharat. "English as a Language In Arab-Speaking Countries." GRIN Publishing, 2016, www.grin.com/document/342137.
- Najjah Salwa, A.R., Ahmad Munawar Ismail & Kaseh Abu Bakar. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 2015, Vol. 3, 79-90
- Pateşan, M., & Zechia, D. (2018). Foreign language education in the military. *International Conference Knowledge-based Organization*, 24(2), 351–355. <https://doi.org/10.1515/kbo-2018-0114>
- Saeed Al-Sobhi, B. M., & Preece, A. S. (2018). Teaching English speaking skills to the Arab students in the Saudi school in Kuala Lumpur: Problems and solutions. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(1), 1. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.6n.1p.1>
- Surjeet Singh Jeggy (2011). *The English Language Needs of Armed Forces Officers*, International Islamic University Malaysia.